

07/08/1997

Tiga langkah jamin kebersihan

KUALA LUMPUR, Rabu - Pihak berkuasa tempatan (PBT) di seluruh negara hari ini diarah mengambil tiga tindakan segera bagi menangani masalah orang ramai membuang sampah merata tempat.

Arahan yang mendapat restu Kabinet itu ialah menyediakan lebih banyak tong sampah di tempat awam, mengawasi perkhidmatan kontraktor pengangkut sampah dan meningkatkan gerakan penguatkuasaan.

Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Dr Ting Chew Peh, berkata PBT juga diminta mengenakan denda maksimum terhadap setiap kesalahan membuang sampah di merata tempat jika ia dianggap mampu mengikis tabiat buruk itu.

Ekoran kemarahan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad Ahad lalu terhadap mereka yang tidak mengendahkan soal kebersihan dengan membuang sampah sesuka hati di tempat awam, hanya Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) menyatakan akan mengenakan denda maksimum RM500 bagi kesalahan membuang sampah di merata tempat di sekitar ibu kota, setakat ini.

Bagi peringkat negeri, walaupun beberapa menteri besar, ketua menteri dan Exco memberikan reaksi, ia sekadar menyatakan kesal serta mengiyakan apa yang dikatakan oleh Perdana Menteri tanpa sebarang cadangan bernas dan konkrit.

Dr Ting berkata, PBT boleh mengenakan denda maksimum antara RM100 hingga RM500 mengikut peruntukan Undang-Undang Kecil Kerajaan Tempatan di negeri masing-masing bagi setiap kesalahan membuang sampah di tempat awam.

"Saya berharap denda maksimum dan tiga arahan itu dipatuhi PBT serta-merta selepas kita mendapat persetujuan Kabinet hari ini," katanya kepada pemberita di pejabatnya hari ini.

Ahad lalu, selepas menghantar rakan sejawatnya dari Pakistan, Nawaz Shariff di Lapangan Terbang Antarabangsa Sultan Abdul Aziz Shah, Dr Mahathir menamakan Jalan Bukit Bintang sebagai kawasan paling kotor kerana sampah-sarap kelihatan di sepanjang jalan itu.

Dalam nada marah, beliau berkata: "Saya ingin nyatakan saya tidak gembira dengan Jalan Bukit Bintang kerana ia terlalu kerap kotor."

(END)